

# PEKELILING NAIB CANSOLOR

**Bilangan 22 Tahun 2020**

## **PEKELILING ARAHAN PENTADBIRAN BERKENAAN PENGGUNAAN APLIKASI MYSEJAHTERA DAN SISTEM SARINGC19UiTM SEBAGAI LANGKAH KAWALAN DAN PENCEGAHAN PENULARAN WABAK COVID-19 DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini memaklumkan mengenai Arahan Pentadbiran Berkaitan Penggunaan Aplikasi MySejahtera dan Sistem SaringC19UiTM Sebagai Langkah Kawalan dan Pencegahan Penularan Wabak COVID-19 di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Universiti Teknologi MARA (UiTM) memandang serius mengenai penularan jangkitan COVID-19 sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan laporan berkaitan dengannya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 2.2 Pada 3 Ogos 2020, YB Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) telah mengumumkan bahawa kerajaan telah mewajibkan penggunaan sistem MySejahtera di semua premis di seluruh negara. Pejabat Peguam Negara akan mewartakan penggunaan aplikasi MySejahtera dalam masa terdekat.
- 2.3 Aplikasi MySejahtera yang dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bertujuan membantu dalam pengawasan penularan wabak COVID-19 di dalam negara dengan membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri. Aplikasi ini membantu KKM mendapatkan maklumat awal bagi mengambil tindakan yang cepat dan berkesan.

- 2.4 Sistem SaringC19UiTM ialah sistem Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 secara dalam talian yang dibangunkan oleh Universiti Teknologi MARA pada bulan April 2020. Sistem ini membolehkan semua warga dan individu yang hendak memasuki premis UiTM mengetahui kedudukan mereka dalam rantai kontak wabak COVID-19 dan tindakan yang perlu diambil bagi mengurangkan risiko jangkitan di kalangan warga universiti. Arahan penggunaan sistem ini telah dikeluarkan melalui pekeliling Naib Canselor Bil. 15 Tahun 2020: Pekeliling Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA Semasa PKPB bertarikh 8 Mei 2020.
- 2.5 SaringC19UiTM *QR Code Check-In* adalah fungsi tambahan kepada sistem SaringC19UiTM bertujuan untuk merekodkan pergerakan individu di sekitar kampus yang akan membantu dalam pengawasan penularan wabak serta pengesanan kontak jika berlaku kes positif di kampus UiTM. Imbasan *QR Code* untuk *Check-In* perlu dilaksanakan di pintu masuk setiap bahagian/ unit di dalam UiTM.
- 2.6 Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Universiti pada 18 Ogos 2020 telah mewajibkan penggunaan kedua-dua aplikasi MySejahtera dan sistem SaringC19UiTM di setiap premis di Universiti Teknologi MARA. Penggunaan sistem dan aplikasi ini adalah antara langkah penting untuk kawalan dan pencegahan berkaitan penularan COVID-19 di UiTM.

### 3. PELAKSANAAN

Semua warga UiTM sama ada staf atau pelajar adalah tertakluk untuk mematuhi arahan seperti berikut:

#### 3.1 Tanggungjawab Staf dan Pelajar UiTM

- 3.1.1 Semua staf dan pelajar UiTM adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM melalui sistem SaringC19UiTM pada setiap hari. Sistem ini boleh dicapai melalui pautan URL <https://saringc19.uitm.edu.my>.
- 3.1.2 Semua warga UiTM sama ada staf atau pelajar bertanggungjawab untuk menyemak status keputusan kategori risiko masing-masing pada setiap hari dan mengetahui kedudukan mereka dalam rantai kontak wabak COVID-19 seperti yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 3.1.3 Berikut adalah tindakan yang perlu diambil oleh staf dan pelajar mengikut kategori risiko masing-masing bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan di kalangan warga universiti.:

Kategori Staf	Tindakan
Kategori A	i. Tidak dibenarkan memasuki kawasan kampus UiTM sehingga sembuh dan diberi pelepasan dari isolasi/ kuarantin oleh KKM.
Kategori B	i. Tidak dibenarkan memasuki kawasan kampus UiTM untuk sebarang urusan. ii. Perlu mematuhi tempoh isolasi/ kuarantin sepertimana yang telah diarahkan oleh Klinik/ Hospital KKM. iii. Hanya boleh memasuki kawasan kampus UiTM untuk kembali bertugas/ menghadiri kuliah setelah keputusan ujian COVID-19 adalah negatif dan telah tamat tempoh isolasi/ kuarantin. iv. Warga terbabit perlu memaklumkan kepada Ketua PTJ (untuk staf) atau pihak Fakulti (untuk pelajar) dan Pusat Kesihatan/ Unit Kesihatan Kampus Cawangan sekiranya keputusan ujian COVID-19 adalah positif.
Kategori C	i. Tidak dibenarkan memasuki kawasan kampus UiTM untuk sebarang urusan. ii. Perlu mematuhi arahan isolasi oleh Pusat Kesihatan UiTM/ Unit Kesihatan Kampus Cawangan. iii. Hubungi Pusat Kesihatan UiTM/ Unit Kesihatan Kampus Cawangan masing-masing untuk mengetahui tempoh isolasi/ kuarantin yang perlu dijalani. iv. Hanya boleh memasuki kawasan kampus UiTM untuk kembali bertugas/ menghadiri kuliah setelah tempoh isolasi tamat dan diberi pelepasan isolasi oleh Pusat Kesihatan UiTM/ Unit Kesihatan Kampus Cawangan.
Kategori D dan E (bergejala)	i. Dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan kesihatan di fasiliti kesihatan berhampiran. ii. Hanya dibenarkan memasuki kawasan kampus UiTM untuk kembali bertugas/ menghadiri kuliah seperti biasa setelah disahkan tidak berisiko COVID-19 oleh Pegawai Perubatan yang memeriksa staf/ pelajar terbabit.
Kategori D dan E (tanpa gejala)	i. Dibenarkan memasuki kawasan kampus UiTM untuk kembali bertugas/ menghadiri kuliah seperti biasa. ii. Perlu melengkapkan Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM melalui sistem SaringC19UiTM dan aplikasi MySejahtera pada setiap hari.

3.1.4 Semua warga UiTM yang telah disahkan positif COVID-19 (kategori A) atau termasuk dalam kategori B dan C diminta untuk:

- i. Memaklumkan kepada Pusat Kesihatan melalui e-mel [pusatkesihatan@uitm.edu.my](mailto:pusatkesihatan@uitm.edu.my) atau melalui *WhatsApp* di talian 03-55443984 manakala warga UiTM Cawangan diminta untuk memaklumkan kepada Unit Kesihatan UiTM Cawangan masing-masing.
- ii. Memohon Cuti Kuarantin melalui sistem HR2U dengan mengemukakan surat arahan kuarantin/ isolasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Pusat Kesihatan UiTM/ Unit Kesihatan Cawangan.

3.1.5 Staf dan pelajar UiTM juga **DIWAJIBKAN** untuk merekodkan pergerakan di dalam kampus dengan mengisi aplikasi MySejahtera dan mengimbas SaringC19UiTM QR Code *Check-In* di pintu masuk setiap bahagian/ unit di dalam UiTM.

3.1.6 Pihak UiTM amat berharap agar semua warga terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dan patuhi setiap arahan yang dikeluarkan demi keselamatan dan kesejahteraan semua warga.

- i. Bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kesihatan diri sendiri, rakan sekerja dan orang lain yang mungkin terlibat semasa melaksanakan tugas di pejabat.
- ii. Sentiasa mematuhi prosedur kerja selamat dan arahan kerja yang ditetapkan di tempat kerja masing-masing.
- iii. Memastikan diri adalah sihat dan tidak mempunyai gejala demam, selsema dan sukar bernafas. Sekiranya tidak sihat, staf atau pelajar terbabit dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan kesihatan.
- iv. Melaporkan kepada Ketua Jabatan/ Ketua Bahagian sekiranya terdapat maklumat mengenai jangkitan COVID-19 di kalangan warga universiti.
- v. **Elakkan 3S/3C:** iaitu kawasan **Sesak** (*Crowded place*), kawasan **Sempit** (*Confined space*) dan elakkan **Sembang** dengan jarak dekat (*Close conversation*).
- vi. **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun dengan cara yang betul (**Wash**), memakai alat pelitup muka (*face mask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (**Wear**) dan patuhi amaran (**Warn**) dari pihak KKM seperti:

- a. Elak bersentuhan atau bersalaman dengan apa-apa kaedah termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan bersalaman;
  - b. Amalkan etika batuk dan bersin;
  - c. Dapatkan rawatan jika bergejala;
  - d. Duduk di ruang kerja masing-masing dan elakkan pergerakan di sekitar tempat kerja tanpa tujuan;
  - e. Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan ruang kerja yang kerap disentuh.
- vii. **Patuhi S.O.P** sebagai norma baharu kehidupan:
- a. **S:** Semua syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan oleh KKM/ MKN;
  - b. **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi;
  - c. **P:** Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa sekurang-kurangnya satu (1) meter.

### 3.2 Tanggungjawab PTJ/ Pihak Fakulti di UiTM

- 3.2.1 Menyediakan paparan QR Code SaringC19UiTM dan MySejahtera di pintu masuk setiap bahagian/ unit/ fakulti (rujuk lampiran untuk langkah penyediaan paparan aplikasi MySejahtera).
- 3.2.2 Memastikan terdapat seorang petugas di pintu masuk setiap bahagian/ unit/ fakulti untuk mengawal kemasukan staf/ pelajar dan pengunjung ke bahagian/ unit/ fakulti masing-masing.
- 3.2.3 Memastikan semua staf dan pelajar di bahagian/ unit/ fakulti masing-masing mengisi borang Deklarasi Harian Risiko COVID-19 melalui Sistem SaringC19UiTM pada setiap hari.
- 3.2.4 Menyemak status keputusan saringan risiko COVID-19 SaringC19UiTM semua staf dan pelajar di pintu masuk bahagian/ unit/ fakulti pada setiap hari.
- 3.2.5 Memastikan semua individu di dalam kategori A, B dan C **TIDAK MEMASUKI** bahagian/ unit/ fakulti masing-masing dalam tempoh PKPP untuk sebarang urusan.
- 3.2.6 Memastikan staf dan pelajar di dalam kategori D dan E yang bergejala menjalani pemeriksaan kesihatan dan disahkan tiada risiko jangkitan COVID-19 sebelum dibenarkan memasuki bahagian/ unit/ fakulti masing-masing.
- 3.2.7 Memastikan semua staf dan pelajar merekodkan pergerakan kemasukan ke bahagian/ unit/ fakulti masing-masing dengan mengimbas SaringC19UiTM QR Code Check-In dan aplikasi MySejahtera di pintu masuk setiap bahagian/ unit/ fakulti.

- 3.2.8 Menyediakan termometer dan melaksanakan saringan suhu badan di setiap pintu masuk bahagian/ unit/ fakulti untuk semua pengunjung. Individu dengan suhu 37.5°C atau lebih tidak dibenarkan masuk ke dalam bahagian/ unit/ fakulti.
- 3.2.9 Menyediakan *Hand Sanitizer* untuk kegunaan pengunjung di ruang kaunter.
- 3.2.10 Memastikan staf dan pelajar memakai alat pelitup muka (*face mask*) sekiranya bergejala dan berada di tempat awam.
- 3.2.11 Menghadkan bilangan staf/ pelajar yang memasuki bahagian/ unit/ fakulti pada satu-satu masa agar tidak berlaku kesesakan.
- 3.2.12 Keutamaan adalah untuk melindungi kumpulan berisiko seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan OKU.
- 3.2.13 Meletakkan garisan tanda penjarakan fizikal di lantai depan kaunter dengan ukur garisan sekurang-kurangnya satu (1) meter jarak dengan garisan yang lain.
- 3.2.14 Memastikan staf dan pelajar sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal dalam jarak satu (1) meter seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bilangan penumpang dalam kenderaan UiTM juga perlu mengambil kira penjarakan fizikal.
- 3.2.15 Melaksanakan aktiviti pembersihan (*sanitizing*)/ proses nyahkuman di ruang yang biasa disentuh ramai di ruang kerja di bahagian/ unit/ fakulti berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 3.2.16 Semua pelaksanaan aktiviti berbentuk mesyuarat/ bengkel/ seminar/ konferensi/ khidmat masyarakat diminta untuk mematuhi langkah-langkah keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.

### 3.3 Sebarang pertanyaan mengenai arahan ini boleh dikemukakan kepada

- 3.3.1 Bilik Gerakan Pusat Kesihatan UiTM - Waktu Pejabat: 8:00 pagi – 5:00 petang (Tel: 03-55443983/ 3984/ 3985/ 3986); Selepas waktu pejabat: 5:01 petang – 7:59 pagi (Whatsapp: 03-55443984).
- 3.3.2 Dr Zaiton Nasir, Pengarah Pusat Kesihatan UiTM (Tel : 03-55443631/ 019-2210060; emel : zai@uitm.edu.my)
- 3.3.3 Dr Shairul'azam Bin Sahar, Ketua Unit Perubatan, PK UiTM (Tel : 03-55443983; emel : shair393@uitm.edu.my)
- 3.3.4 Dr. Nurfaizlinda Md. Shah, Ketua Unit Kesihatan Awam, PK UiTM (Tel : 03-55443823/ 019-2726949; emel : nurfa898@uitm.edu.my).

## 4. TARIKH DIKELUARKAN


Pekeliling ini dikeluarkan pada **10 September 2020**.

## 5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **10 September 2020**.

## 6. PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga (staf dan pelajar) Universiti Teknologi MARA dan untuk edaran dalaman sahaja.
- 6.2 Tempoh pelaksanaan arahan ini adalah tertakluk kepada perkembangan terkini wabak COVID-19 dan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 6.3 Kegagalan staf atau pelajar mematuhi pekeling ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.



**PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM**  
Naib Canselor

*Dikelilingkan Kepada:*  
*Semua Timbalan Naib Canselor*  
*Semua Rektor UiTM Cawangan*  
*Semua Dekan Fakulti*  
*Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit*  
*Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar*  
*Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej*  
*Semua Staf UiTM*  
*Semua Pelajar UiTM*

*Bil. Fail : 500-HEP(PK.12/1/7) JILID 2*  
*No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 22*